



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 67  
Bil. 20

**25hb September 2014**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

**No. 2520.**

FATWA MENGENAI LARANGAN PENGGUNAAN, PEMAKAIAN DAN  
PENGAMALAN TAWAJJUH KHATAMUN AL-NUBUWWAH

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan *Kerajaan Negeri* telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

*"Tawajjuh Khatamun Al-Nubuwwah* atau tanda kenabian Nabi Muhammad SAW adalah dilarang untuk diguna, dipakai dan diamalkan kerana tiada nas atau sandaran Syarak yang membenarkan terhadap penggunaan, pemakaian dan pengamalannya serta diragui kesahihannya. Sebarang penggunaan, pemakaian, pengamalan, kepercayaan dan kebergantungan kepadanya hendaklah dihentikan kerana boleh membawa kepada syirik berdasarkan kefahaman seperti berikut:

- (i) mendakwa sesiapa yang menjadikan tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* ini sebagai perhiasan di rumah, maka ahli rumah akan dipelihara

Allah SWT daripada penyakit taun dan wabak, terhindar dari kebakaran dan kecurian;

- (ii) mempercayai bahawa orang yang selalu melihat tanda ini akan mudah mengenali Nabi Muhammad SAW ketika di Padang Masyar; dan
- (iii) menganggap bahawa sesiapa yang melihat, memandang atau membaca tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* ini dalam keadaan berwuduk akan terselamat dari sebarang malapetaka seperti kemalangan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil keputusan bahawa—

- (i) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* ini berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya adalah disifatkan mengamalkan kepercayaan yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (ii) mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* ini sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan adalah disifatkan mengamalkan pegangan yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (iii) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang bagi menyebarkan tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* ini atau apa-apa tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* adalah berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; atau
- (iv) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan tanda *Khatamun Al-Nubuwwah* ini atau apa-apa tanda yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang.

Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang”.

Bertarikh 24 September 2014  
[MNPK.A351.IST/01/7 JLD3; PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*  
*Negeri Perak Darul Ridzuan*

**No. 2521.****FATWA MENGENAI PENYALURAN HARTA TIDAK PATUH  
SYARIAH KE BAITULMAL**

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarakan fatwa yang berikut:

“Harta-harta atau sebarang pemerolehan yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, *gharar*, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah Haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri melainkan untuk kepentingan awam. Pembersihan harta-harta atau pemerolehan tersebut boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut:

- (i) diserah kepada Baitulmal untuk maslahah-maslahah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan sebagainya;
- (ii) diserah kepada golongan fakir miskin; atau
- (iii) jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal”.

Bertarikh 24 September 2014  
[MNPK.A351.IST/01/7 JLD3; PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak Darul Ridzuan*

**No. 2522.**

**FATWA MENGENAI HUKUM PELANCONG BUKAN ISLAM MEMASUKI MASJID  
DAN RUANG SOLAT UTAMA DI DALAM MASJID**

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

“Pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid. Perlakuan serta tingkah laku mereka hendaklah tidak mencemarkan kesucian masjid, sentiasa terkawal dan beradab.

Walau bagaimanapun, perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam di dalam masjid mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang”.

Bertarikh 24 September 2014  
[MNPK.A351.IST/01/7 JLD3; PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (*Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik*).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA